

Golongan tohmah Kerajaan dibidas Dr. M: Kestabilan politik, ekonomi faktor utama

JOHOR BAHRU, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas segolongan rakyat yang semata-mata mencari kesalahan Kerajaan dengan mentohmahkan, kononnya sebarang pelaburan baru dari berbagai sektor perdagangan yang datang ke negara ini bukan wujud dari hasil usaha Kerajaan.

Katanya: "Saya ingin

menegaskan kepada pencari kesalahan itu bahawa tidak ada sebuah syarikat akan melaburkan modal mereka di mana-mana negara sekalipun secara membuta tuli."

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan demikian ketika merasmikan pembukaan kilang Matsushita Precision Industrial Co. (M) Sdn. Bhd., di Senal, dekat sini, petang ini.

Menurut beliau, tidak ada syarikat akan melaburkan modal mereka sekiranya mereka yakin sebuah negara itu tidak kukuh di segi ekonomi serta politik.

Beliau berkata, walaupun di

Malaysia sudah wujud lima projek Matsushita, tetapi syarikat tersebut sudah pasti melancarkan berbagai kajian di beberapa negara lain sebelum menempatkan projek-projek yang mengandungi teknologi yang tinggi di negara ini.

"Kita juga mesti ingat syarikat ini mempunyai kilang-kilang di beberapa negara di seluruh dunia," katanya.

Selain ini, beliau juga menjelaskan, sesebuah syarikat hanya akan melaburkan modal mereka di sebuah negara bila mereka mengetahui di negara itu wujud perlindungan tarif, tiada monopoli pasaran tempatan dan beberapa faktor seumpamanya lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga memberitahu, Kerajaan dapat mewujudkan suasana pelaburan mantap di negara ini sekarang.

Katanya: "Sewaktu saya melawat Jepun, saya berbincang dengan pemimpin-pemimpin negara itu dan menghilangkan keraguan yang menyekat mereka dari melaburkan modal di negara kita."

"Salah satu dari hasil lawatan saya itu ialah dengan penubuhan kilang Matsushita di Kawasan Perindustrian Senal, Johor Bahru," tambahnya.

Beliau menambah, sebenarnya Matsushita syarikat pelopor yang membuka kilang pertamanya di kawasan Lembah Kelang dalam 1965.

"Pada hari ini, syarikat ini sekali lagi mempelopori pembukaan kilang yang membawa teknologi tinggi di Kawasan Perindustrian Senal, di negeri ini."

Mengalut

Kata beliau, Malaysia mengalut-alukan projek-projek seumpama ini.

Ini bukan saja kerana ia selaras dengan dasar Kerajaan yang ingin membawa perindustrian dari pusat-pusat bandar ke luar bandar tapi ia juga kerana Kerajaan ingin menggalakan teknologi perindustrian "hidup" di negara ini dengan lebih pesat.

Projek seperti yang diusahakan oleh Matsushita di Senal bukan saja akan membuka 200 peluang pekerjaan baru kepada rakyat Malaysia tapi menanam tanaman modal syarikat itu hingga melebihi \$100 juta sehingga akhir April lalu di Malaysia.

Beliau memberitahu, jumlah tanaman modal pelabur Jepun dalam berbagai syarikat yang diluluskan di negara ini ialah \$648.8 juta sehingga akhir April lalu.

Beliau menegaskan, dalam 1980 tidak ada sebarang rombongan pelaburan dari Malaysia melawat Jepun.

"Ini tidak bermakna kita hilang minat kepada Jepun di segi perdagangan," katanya.

Minat kita terhadap Jepun disalurkan menerusi berbagai lawatan peringkat menteri dan pegawai Kerajaan yang menghadiri beberapa seminar pelaburan dianjurkan oleh institusi-institusi perdagangan Jepun, tambahnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Sir	11.361
No. Pendaftaran	3174/87